

Derma organ bantu ringankan beban pesakit

KOTA BHARU – Rakyat di sini mendaftar sebagai penderma organ untuk membantu meringankan beban pesakit-pesakit kronik di negara kita.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Mempromosi Pendermaan Organ, Tan Sri Lee Lam Thye berkata, rakyat Malaysia bertanggungjawab membantu pesakit-pesakit kronik yang memerlukan bantuan organ orang lain.

"Hanya 0.7 peratus sahaja yang mendaftar diri sebagai penderma organ daripada seramai 28.7 juta penduduk di seluruh negara dan jumlah ini menunjukkan masih ramai yang tidak tampil untuk menderma," katanya di sidang media MAA Medicare Kidney Charity Fun, semalam.

Menurutnya, lebih kurang 70,000 rakyat berdaftar dan majoritinya ialah berumur sekitar 20 hingga 30 tahun.

Beliau berkata, jumlah tersebut masih belum mencukupi kerana hampir 15,000 pesakit kronik terutamanya pesakit buah pinggang sedang menunggu organ yang sesuai di-

“ Pesakit buah pinggang di Malaysia makin hari makin bertambah dan setiap tahun seramai 5,000 pesakit baru didaftarkan. Rawatan dialisis yang dilakukan juga amat kritikal kerana hampir 27,000 pesakit sedang menjalani rawatan tersebut di seluruh negara. Jika kita tiada penderma yang mampu membantu mereka, maka inisiatif lain adalah dengan sumbangan mesin-mesin dialisis yang perlu diguna pakai setiap minggu oleh pesakit-pesakit tersebut.”

Lee Lam Thye

pindahkan kepada mereka.

"Pesakit buah pinggang di Malaysia makin hari makin bertambah dan setiap tahun seramai 5,000 pesakit baru didaftarkan. Rawatan dialisis yang dilakukan juga amat kritikal kerana hampir 27,000 pesakit sedang menjalani rawatan tersebut di seluruh negara.

"Jika kita tiada penderma yang mampu membantu mereka, maka inisiatif lain adalah dengan sumbangan mesin-mesin dialisis yang perlu diguna pakai setiap minggu oleh pesakit-pesakit tersebut,"

katanya.

Menurut Lee, penderma organ juga perlu memberitahu kaum keluarga tentang hasrat dan perjanjian mereka sebagai penderma.

"Ini sangat penting kerana ada sesetengah keluarga penderma tidak membenarkan kami menjalankan proses pemindahan dan ini menyukarkan keadaan semua pihak setelah penderma meninggal dunia.

"Kami juga terpaksa menunggu kerana organ-organ yang didermakan juga hanya



Lee bertanya khabar dengan seorang pesakit di MAA Medicare Kidney Charity Centre Kota Bharu, semalam.

boleh diambil setelah kematian penderma sahaja, bukan ketika masih hidup," katanya.

Sementara itu, beliau selaku pemegang amanah MAA Medicare Kidney Charity Fun turut menerima sumbangan sebuah mesin dialisis yang berharga RM40,000 daripada Restoran Four Seasons dan Rotary Club Kota Bharu, semalam.

MAA Medicare Kidney Charity Centre yang dulu bertempat di Jalan Telipot kini telah berpindah ke premis baru dan boleh menampung seramai 100 orang pesakit buah pinggang di Kelantan.

Beliau berkata, pusat tersebut juga mempunyai 12 orang pakar nefrologi yang bertanggungjawab mengendalikan proses dialisis tersebut bersama

105 orang jururawat dan 20 orang staf pentadbiran di seluruh negara.

Beliau turut menyarankan kepada mana-mana badan bukan kerajaan (NGO) untuk tampil memberikan khidmat sumbangan mesin dialisis kepada mana-mana pusat rawatan dialisis di seluruh negara demi membantu meringankan beban pesakit.